

**PERMOHONAN PEMBIAYAAN PROJEK PEMASARAN PADI MUSIM 1/2016  
OLEH PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN ABC BERJUMLAH RMxxx**

**1.0 TUJUAN**

Kertas ini disediakan untuk memohon pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Pembiayaan Kumpulan Wang Pinjaman Pertubuhan Peladang LPP Negeri bagi modal pusingan pemasaran padi pukal musim 1/2016 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) ABC berjumlah RMxxx untuk tempoh 5 bulan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 PPK ABC ditubuhkan pada 9 Januari 1973 dengan nombor pendaftaran PPK 001 dengan keluasan kendalian 35,000 hektar meliputi kawasan penanaman padi seluas 6,457.73 hektar, kelapa sawit 13,981.44 hektar, kelapa 992.56 hektar dan lain-lain seluas 13,568.27 hektar.
- 2.2 Projek pemasaran padi merupakan salah satu projek utama kesinambungan daripada pelaksanaan projek mini estet padi PPK. Ia dijalankan sebanyak 2 musim setiap tahun. Lokasi 2 pusat belian padi pukal terletak di Parit12 Bagan Terap, Sungai Besar dan Jalan Parit 9 Timur, Sungai Besar. Dengan adanya projek ini, satu bentuk perniagaan (padi) yang lebih ekonomik dapat dilaksanakan serta tersusun dengan jumlah hasil yang maksimum disamping pengurusan yang lebih teratur. Pelaksanaan projek ini adalah melalui pembelian padi daripada petani-petani dan kemudian dipasarkan.
- 2.3 Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah PPK ABC Bil. 6/2015 pada 27 Mei 2016 bersetuju meluluskan permohonan pinjaman modal pusingan pemasaran padi dan pembiayaan 2015 (musim 1 dan 2/2016) berjumlah RMxxx daripada LPP bagi tempoh 5 bulan (150 hari).
- 2.4 Jadual kerja projek pemasaran padi musim 1/2016 adalah seperti di **Lampiran**.

### **3.0 STATUS PEMBIAYAAN**

Rekod pembiayaan K3P sehingga Jun 2016 adalah seperti berikut:-

Tahun	Projek	Pinjaman Pokok (RM)	Baki (RM)	Catatan (RM)
2007	Pemasaran Padi Pukal 1/2007	960,000	0	Selesai
2008	Pemasaran Padi Pukal 2/2007	1,000,000	0	Selesai
2008	Pemasaran Padi Pukal 1/2008	1,200,000	0	Selesai
2015	Pemasaran Padi Musim 1/2015	1,500,000	0	Selesai
<b>Jumlah</b>		<b>4,660,000</b>	-	

### **4.0 PRESTASI PROJEK**

Prestasi projek pembelian padi pukal PPK ABC seperti berikut:

Tahun	Kuantiti (m/tan)	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Untung / (Rugi) (RM)
1/2012	3,260	3,462,105.89	3,406,163.61	(55,942.28)
2/2012	3,290	3,651,786.77	3,649,792.53	1,994.24
1/2013	3,932	4,102,245.96	4,076,641.34	(25,604.62)
2/2013	3,777	3,922,566.20	3,975,905.52	(42,339.33)
1/2014	4,268	4,889,37.90	4,866,191.71	23,186.19
2/2014	5,013	5,918,912.42	5,853,985.44	64,926.98
1/2015	6,230	7,454,545.45	7,372,749.93	81,795.52

### **5.0 KEPERLUAN MODAL**

PPK menjangkakan pembelian padi musim 1/2016 sebanyak 5,500 tan memerlukan modal permulaan sebanyak RM5,478,000 dengan perkiraan seperti berikut:-

$$\begin{aligned}
 \text{Modal belian padi} &= \text{Hari} \times \text{m/tan}/\text{hari} \times \text{kos m/tan} \\
 &= 25 \text{ hari} \times 220 \text{ m/tan} \times 0.83 \times \text{RM}1,200 \\
 &= \text{RM}5,478,000
 \end{aligned}$$

## **6.0 PRESTASI KEWANGAN**

Kedudukan kewangan berakhir Mei 2016 dan Jun 2016 seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Mei 2016 (RM)</b>	<b>Jun 2016 (RM)</b>
1.	Isipadu Perniagaan	1,074,256.75	3,370,210.40
2.	Keuntungan Terkumpul	(949,976.78)	(665,383.25)
3.	Keuntungan Semasa	232,479.41	611,937.46
4.	Aset Semasa	8,556,909.39	6,849,644.38
5.	Jumlah Aset	10,243,649.02	8,539,643.84
6.	Liabiliti Semasa	7,872,720.17	5,774,656.94
7.	Jumlah Liabiliti	7,843,143.89	6,980,770.48
8.	Tunai Di Bank & Di Tangan	1,553,877.57	2,721,571.92
9.	Pelaburan	260,480.00	260,480.00
10.	Stok Akhir	948,582.83	864,211.93
11.	Kumpulanwang Ahli	1,148,707.24	1,433,600.77
12.	Pembiutang	902,168.97	934,976.70
13.	Penghutang	4,335,722.41	4,496,902.53
14.	Modal Kerja	713,765.50	1,074,987.44
15.	Nisbah Semasa	1.09	1.19
16.	Nisbah Hutang	0.76	0.81
17.	Nisbah Cepat	0.96	1.04

## **7.0 ASAS PERTIMBANGAN DAN JUSTIFIKASI**

- 7.1 Aktiviti pemasaran padi adalah berkaitan dengan pelaksanaan projek mini estet padi iaitu memasarkan hasil pertanian ahli-ahli peladang. Luas kawasan ialah 3,500 hektar dan jangkaan hasil ialah sebanyak 24,500 m/tan. Hasil jualan petani ke PPK meningkat semula sejak 4 musim lalu.
- 7.2 Mengimbangi harga pasaran untuk membela nasib petani bagi mengelakkan daripada peranan orang tengah dan pihak lain.
- 7.3 Membantu ahli-ahli peladang meningkatkan pengeluaran hasil padi melalui skim kredit dan pengurusan ladang yang terancang (Projek Perdana Padi).
- 7.4 Mengurangkan kos petani dalam pemasaran hasil berbanding sistem guni yang melibatkan kos dan tenaga pekerja seperti kos

buruh dan kos susutan padi. Hasil padi dapat dipasarkan segera ke kilang.

- 7.5 Membolehkan petani mendapat bayaran cepat tanpa risiko yang tinggi dan berperanan menjadi pemangkin kepada peningkatan hasil padi.
- 7.6 Tempoh menerima bayaran dari kilang antara 1-5 hari. Kelewatan ini menyebabkan PPK kekurangan modal untuk menampung pembelian seterusnya. Tempoh belian padi berlaku di antara 21-28 hari. Dalam tempoh ini PPK perlu menyediaan modal sebanyak RM219,120 bagi membeli padi sebanyak 220 m/tan sehari. Dalam masa 7 hari belian PPK memerlukan modal sebanyak RM1,533,840. PPK perlu modal supaya momentum aktiviti ini berjalan dengan baik.
- 7.7 Adalah dijangka pembelian padi oleh PPK ABC pada musim 1/2016 sebanyak 5,500 mt dengan nilai RM5,478,000 di dua (2) lokasi pembelian pada berikut:-
- |     |               |                        |
|-----|---------------|------------------------|
| i.  | Pusat Pukal A | 2,750 mt               |
| ii. | Pusat Pukal B | 2,750 mt               |
|     | <b>Jumlah</b> | <b><u>5,500 mt</u></b> |

## **8.0 PENUTUP**

Pengurusan PPK ABC sangat berharap pihak LPP dapat mempertimbangkan permohonan pembiayaan K3P untuk tujuan pemasaran padi sebanyak RMxxx bagi tempoh 6 bulan dengan bayaran sekaligus untuk aktiviti pembelian padi akan dijadual pada September 2016.

Sukacita bersama-sama ini jadual kerja pelaksanaan projek dan dokumen sokongan seperti senarai semak untuk perhatian pihak tuan selanjutnya

Terima kasih.

Pengurusan PPK ABC  
Julai 2016

**Senarai semak**

- a) Kertas kerja lengkap
- b) Surat Permohonan Pembiayaan K3P
- c) Prestasi Lepas Projek
- d) Aliran Wang Tunai Projek
- e) Penyata Kewangan Terkini
- f) Salinan Resit Pembayaran Wang Proses
- g) Cabutan Minit Mesyuarat Pembiayaan LPP Negeri
- h) Ulasan Serta Perakuan Pengarah LPP Negeri
- i) Surat Permohonan Had Kuasa Pinjaman Luar
- j) Cabutan Minit Mesyuarat Agong
- k) Cabutan Minit Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah
- l) Muka surat pertama penyata bank untuk pindah peruntukan